SUMAZAU ETNIK KADAZAN: ANALISIS KONTEKS PERSEMBAHAN, FUNGSI, KOSTUM DAN KOREOGRAFI

SRI NINGSIH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH PENGAJIAN SENI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2012

SUMAZAU ETNIK KADAZAN: ANALISIS KONTEKS PERSEMBAHAN, FUNGSI, KOSTUM DAN KOREOGRAFI

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SRI NINGSIH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH PENGAJIAN SENI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2012

SUMAZAU ETNIK KADAZAN: ANALISIS KONTEKS PERSEMBAHAN, FUNGSI, KOSTUM DAN KOREOGRAFI

SRI NINGSIH


UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA SENI KREATIF

SEKOLAH PENGAJIAN SENI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2012

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kajian pengkaji sendiri, kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah pengkaji nyatakan sumbernya.



03 Julai 2012

Sri Ningsih

PY2009-8254

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA	:	**SRI NINGSIH**
NO PELAJAR	:	**PY2009-8254**
TAJUK	:	**SUMAZAU ETNIK KADAZAN: ANALISIS KONTEKS PERSEMBAHAN, FUNGSI, KOSTUM DAN KOREOGRAFI**
IJAZAH	:	**SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)**
TARIKH VIVA	:	

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DISAHKAN OLEH

1. PENYELIA UTAMA

Profesor Madya Dr. Low Kok On — Tandatangan



PENGHARGAAN

Dalam sepanjang tempoh menjalankan penyelidikan ini, pengkaji terhutang budi kepada banyak pihak dan individu tertentu. Terlebih dahulu, pengkaji ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Low Kok On, yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar yang tidak terhingga kepada pengkaji selama ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga pengkaji rakamkan kepada semua informan, yang telah banyak membantu dalam memberikan maklumat penting berkenaan Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak Pejabat Daerah Penampang, Pejabat Daerah Papar dan Pejabat Daerah Kecil Membakut, yang telah membantu pengkaji memperoleh beberapa orang informan penting. Begitu juga kepada pihak Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, Muzium Negeri Sabah, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah, Cawangan Penampang, Perpustakaan Tun Fuad Stephen, Restoran Kampung Nelayan dan Restoran Tanjung Aru yang membenarkan pengkaji membuat kajian di tempatnya.

Tidak ketinggalan, pengkaji ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Ismail Ibrahim (Dekan Sekolah Pengajian Seni), Puan Judith Baptish John (Pengarah Muzium Negeri Sabah), Puan Nursaadiah Abdullah @Tang Sook Kuan, Encik Addley Bromeo Bianus dan Puan Jinky Jane C. Simeon yang sama ada telah membantu, mendorong atau memberi nasihat yang membina kepada pengkaji dalam sepanjang penyelidikan ini berlangsung.

Kepada suami tercinta, Dwi Kristiyanto dan cahaya mata tersayang, Dhestiansia Narendra Rageswara, kalianlah yang memberikan semangat dan kekuatan tambahan kepada pengkaji bagi menyiapkan penyelidikan ini. Sesungguhnya, yang baik itu datangnya daripada Allah S.W.T dan segala kekurangan datangnya daripada pengkaji sendiri.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

This research focuses on the Sumazau Penampang (Penampang District), Sazau Papar (Papar District) and Sumazau Paina Membakut (Membakut Sub District) dances. The lack of studies in these area has led to these dances have led to this research being conducted. This research is focused on the origins, performance context, function, costumes, accessories and choreography aspects related to the three dances. The descriptive analytical method has been used to describe and analyse the origin, performance context and the relation of the dances to the culture and belief of the Kadazan people, while comparison method and content analysis have been used to analyse and compare the costumes, the accessories, choreography aspects (floor patterns and modes of motion) for the three dances. This research is important as it documents the origin and the relation of the three dances to the belief and cultural aspect of the Kadazan people. Besides, it highlighted the uniqueness of the costumes, accessories and the choreography aspects of the Sumazau Penampang, Sazau Papar and Sumazau Paina Membakut dances. Finally, the outcomes and findings of this research can be references for dance enthusiast and teachers interested in these traditional dances of the Kadazan people.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI GAMBAR	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI PETA	xiv

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Permasalahan Kajian	2
1.3	Objektif Kajian	3
1.4	Metodologi dan Kaedah Kajian	3
1.5	Kaedah Analisis Data	4
1.6	Kepentingan Kajian	5
1.7	Lokasi Tempat Kajian	5
	1.7.1 Daerah Penampang	6
	1.7.2 Daerah Papar	9
	1.7.3 Daerah Kecil Membakut	10
1.8	Etnik Kadazan: Satu Pengenalan	11
1.9	Tarian Rakyat Etnik Kadazan: Satu Pengenalan	15
1.10	Limitasi Kajian	19
1.11	Penutup	20

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 21

2.2 Kajian Lepas Tarian Tradisional Pelbagai Subetnik Kadazandusun 22

2.3 Kajian Lepas Berkenaan Tarian Sumazau 30

2.4 Dapatan Sorotan Literatur dan Penutup 46

BAB 3: KERJA LAPANGAN DAN HASIL KERJA LAPANGAN

3.1 Pengenalan 47

3.2 Kaedah Pengumpulan Data 47

3.3 Tahap-Tahap Kerja Lapangan 48

3.3.1 Tahap Mengenal pasti Lokasi Tempat Kajian 48

3.3.2 Tahap Mengenal pasti Informan 48

3.4 Tahap Menemu bual Informan 53

3.4.1 Temu bual secara Mendalam (*In-Dept Interview*) 54

3.4.2 Temu bual Kumpulan Berfokus *(Focus Groups Interview)* 56

3.4.3 Pemerhatian secara langsung (*Unobtrusive Observation)* 57

3.5 Hasil Kerja Lapangan 58

3.6 Penutup 67

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 4: KONTEKS PERSEMBAHAN DAN FUNGSI SUMAZAU PENAMPANG, SAZAU PAPAR DAN SUMAZAU PAINA MEMBAKUT

4.1 Pengenalan 68

4.2 Konteks Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut dalam Upacara (*Ritual*) 69

4.3 Konteks Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut dalam Perayaan Etnik Kadazan 78

4.4 Konteks Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut dalam Majlis Keramaian Etnik Kadazan 80

4.5 Konteks Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut dalam Premis Perniagaan 89

4.6 Konteks Lain 90

4.6.1 Fungsi Tarian Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut 92
4.6.2 Fungsi Upacara 93
4.6.3 Fungsi Hiburan 95
4.6.4 Fungsi Pergaulan 96
4.7 Penutup 97

BAB 5: KOSTUM SUMAZAU PENAMPANG, SAZAU PAPAR DAN SUMAZAU PAINA MEMBAKUT

5.1 Pengenalan 98
5.2 Warna Kostum 99
5.2.1 Kostum Penari Sumazau Penampang 100
5.2.2 Kostum Penari Sazau Papar 112
5.2.3 Kostum Penari Sumazau Paina Membakut 116
5.3 Kostum Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut: Satu Perbandingan 122
5.4 Dapatan Kajian dan Penutup 124

BAB 6: KOREOGRAFI: DESKRISPSI RAGAM GERAK DAN POLA LANTAI

6.1 Pengenalan 127
6.2 Deskripsi Ragam Gerak Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut 128
6.2.1 Ragam Gerak Kaki Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut 129
6.2.2 Ragam Gerak Tangan Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut 131
6.2.3 Ragam Gerak Tangan Merentang Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut 134
6.2.4 Ragam Gerak Selang-seli Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut 137

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

6.3 Ragam Gerak dan Pola Lantai Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut 140
6.3.1 Ragam Gerak Selang-seli 140
6.3.2 Ragam Gerak Enjutan Kaki 142
6.3.3 Ragam Gerak Tangan Merentang Pertama 144
6.3.4 Ragam Gerak Tangan Merentang Kedua 145
6.3.5 Ragam Gerak Kaki 146
6.3.6 Ragam Gerak Selang-seli 147
6.4 Penutup 173

BAB 7: PENUTUP 174

BIBLIOGRAFI 180

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

Gambar 1.1	Ama Dousia Moujing dan Inai Tubong Jiantan, informan Kampung Kuai Kandazon, Penampang	8
Gambar 1.2	Pola lantai Sumazau berbentuk bulatan secara Selang-seli antara penari lelaki dan penari wanita.	16
Gambar 1.3	Gaya *mengambai* Sumazau yang menyerupai burung layang-layang	17
Gambar 3.1	Informan tarian Sazau Papar berkostum penuh	51
Gambar 3.2	Informan tarian Sumazau Paina Membakut berkostum penuh	53
Gambar 3.3	Kostum penari wanita Sumazau Penampang zaman dahulu (Ihsan daripada Ama Dousia Moujing)	63
Gambar 4.1	*Bobohizan* kelihatan sedang menari (Sumazau) ketika dalam Keadaan menurun (Ihsan daripada Ama Dousia Moujing)	73
Gambar 4.2	Persembahan Tarian Sazau Papar sempena Pesta Kaamatan tahun 2009	79
Gambar 4.3	Persembahan Tarian Sazau Papar sempena Pesta Kaamatan tahun 2009	79
Gambar 4.4	Kumpulan Pemain Gendang dan Gong Muda dalam Majlis Jamuan Makan Perkahwinan Michael Steve dan Alice Thomas	81
Gambar 4.5	Tetamu dalam majlis yang menarikan Sumazau (Perhatikan gaya *mengambai* para penari dan pakaian bukan tradisional mereka)	83
Gambar 4.6	Kumpulan pemain alat muzik tradisional majlis jamuan makan perkahwinan Roger Jikinon dan Yvonne Peter	85
Gambar 4.7	Tetamu lelaki yang bersandangkan *hisad* dan tetamu wanita yang bersandangkan *husob* merah sedang menari Sumazau	86
Gambar 4.8	Penari Sumazau muda sedang berarak masuk dengan gaya *menggongom* ke dewan jamuan makan bersama pasangan pengantin baharu, yang kelihatan jauh di belakang mereka	87
Gambar 4.9	Tarian Sumazau di Restoran Tanjung Aru, Kota Kinabalu	90
Gambar 4.10	Tarian Sumazau di restoran Kampung Nelayan, Bukit Padang, Kota Kinabalu	90

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Gambar 4.11	Pelajar Sekolah Pengajian Seni mempersembahkan tarian Sumazau	91
Gambar 4.12	Pertandingan tarian Sumazau Penampang Sempena Tugu Budaya Etnik Sabah anjuran Lembaga Kebudayaan Sabah	92
Gambar 5.1	*Sinuangga* Sumazau Penampang	102
Gambar 5.2	Kostum Sumazau *kihongon* (Sumber: Ihsan gambar daripada Ama Dousia Moujing)	103
Gambar 5.3	*Tapi* penari perempuan Sumazau Penampang	104
Gambar 5.4	*Himpogot* Sumazau Penampang	105
Gambar 5.5	*Tangkong* Sumazau Penampang	106
Gambar 5.7	Kostum lengkap penari perempuan Sumazau Penampang	106
Gambar 5.8	*Souva* Sumazau Penampang	107
Gambar 5.9	*Siga* penari lelaki Sumazau Penampang	109
Gambar 5.10	*Kaking* penari lelaki Sumazau Penampang	109
Gambar 5.11	Daun *hisad* penari lelaki Sumazau Penampang	111
Gambar 5.12	Kostum lengkap penari lelaki Sumazau Penampang	111
Gambar 5.12	*Gonob* penari perempuan Sazau Papar	112
Gambar 5.13	*Seraung* penari perempuan Sazau Papar	113
Gambar 5.14	*Bolilit* penari perempuan Sazau Papar	114
Gambar 5.15	*Rupia* penari perempuan Sazau Papar	114
Gambar 5.16	Pakaian *sup*, *siga* dan *souva* penari lelaki Sazau Papar	115
Gambar 5.17	*Ambong* tanpa lengan penari perempuan (*sumandak*) Sumazau Paina Membakut	116
Gambar 5.18	*Ambong* lengan pendek penari perempuan (sudah berkahwin) Sumazau Paina Membakut	117
Gambar 5.19	*Ambong* lengan panjang (*bobohizan*) Sumazau Paina Membakut	117
Gambar 5.20	*Ambong* atau *kubamban* penari perempuan Sumazau Paina Membakut	118
Gambar 5.21	*Siga* penari lelaki Sumazau Paina Membakut	119
Gambar 5.22	*Sandai* penari lelaki Sumazau Paina Membakut	120
Gambar 5.23	*Siling* penari lelaki Sumazau Paina Membakut	121

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Gambar 5.24	*Kubamban* penari lelaki Sumazau Paina Membakut	122
Gambar 6.1	Ragam gerak kaki *tumindak* Sumazau Penampang	130
Gambar 6.2	Ragam gerak kaki Sazau Papar	130
Gambar 6.3	Ragam gerak kaki Sumazau Paina Membakut	131
Gambar 6.4	Ragam gerak tangan *Mod Saladu* Sumazau Penampang	133
Gambar 6.5	Ragam gerak tangan Sazau Papar	133
Gambar 6.6	Ragam gerak tangan Sumazau Paina Membakut	134
Gambar 6.7	Ragam gerak tangan *mengambai* Sumazau Penampang	136
Gambar 6.8	Ragam gerak tangan merentang Sazau Papar	136
Gambar 6.9	Ragam gerak tangan merentang Sumazau Paina Membakut	137
Gambar 6.10	Ragam gerak *Alumrami* Sumazau Penampang	139
Gambar 6.11	Ragam gerak selang-seli Sazau Papar	139
Gambar 6.12	Ragam gerak selang-seli Sumazau Paina Membakut	140

SENARAI RAJAH

Rajah 6.1	Pola lantai selang-seli	141
Rajah 6.2	Pola lantai bagi enjutan kaki	143
Rajah 6.3	Ragan gerak tangan merentang pertama	144
Rajah 6.4	Ragam gerak tangan merentang kedua	145
Rajah 6.5	Ragam gerak kaki	146
Rajah 6.6 (a)	Pola lantai ragam gerak selang-seli pertama	148
Rajah 6.6 (b)	Pola lantai ragam gerak selang-seli kedua	149
Rajah 6.6 (c)	Pola lantai ragam gerak selang-seli ketiga	150
Rajah 6.6 (d)	Pola lantai ragam gerak selang-seli keempat	151
Rajah 6.7	Pola lantai ragam gerak selang-seli kelima	153
Rajah 6.8	Pola lantai ragam gerak selang-seli keenam	154
Rajah 6.9	Pola lantai ragam gerak selang-seli ketujuh	155
Rajah 6.10	Pola lantai ragam gerak selang-seli kelapan	156
Rajah 6.11	Pola lantai ragam gerak selang-seli kesembilan	157
Rajah 6.12	Pola lantai ragam gerak selang-seli kesepuluh	158
Rajah 6.13	Pola lantai ragam gerak selang-seli kesebelas	159
Rajah 6.14	Pola lantai ragam gerak selang-seli kedua belas	160

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Rajah 6.15	Pola lantai ragam gerak selang-seli ketiga belas	161
Rajah 6.16	Pola lantai ragam gerak selang-seli keempat belas	162
Rajah 6.17	Pola lantai ragam gerak selang-seli kelima belas	163
Rajah 6.18	Pola lantai ragam gerak selang-seli keenam belas	164
Rajah 6.19	Pola lantai ragam gerak selang-seli ketujuh belas	165
Rajah 6.20	Pola lantai ragam gerak selang-seli kelapan belas	166
Rajah 6.21	Pola lantai ragam gerak selang-seli kesembilan belas	167
Rajah 6.22	Pola lantai ragam gerak selang-seli kedua puluh	168
Rajah 6.23	Pola lantai ragam gerak selang-seli kedua puluh satu	169
Rajah 6.24	Pola lantai ragam gerak selang-seli kedua puluh dua	170
Rajah 6.25	Pola lantai ragam gerak selang-seli kedua puluh tiga	171
Rajah 6.26	Pola lantai ragam gerak selang-seli kedua puluh empat	172

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Senarai Informan di Daerah Penampang	50
Jadual 3.2	Senarai Informan di Daerah Papar	50
Jadual 3.3	Senarai Informan di Daerah kecil Membakut	52
Jadual 5.1	Aksesori kostum lelaki antara ketiga-tiga tarian	125
Jadual 5.2	Aksesori kostum perempuan antara ketiga-tiga tarian	126
Jadual 6.1	Pola lantai yang digunakan dalam ketiga-tiga tarian rakyat etnik Kadazan	173

SENARAI PETA

Peta Sabah 1.1	Daerah Penampang (merah jambu), Daerah Papar (merah) dan Daerah kecil Membakut (ungu)	6

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut ialah tarian rakyat etnik Kadazan yang tinggal di Daerah Penampang, Daerah Papar dan Daerah Kecil Membakut, Beaufort. Antara ketiga-tiga jenis tarian rakyat kepunyaan etnik Kadazan ini, rata-rata penduduk di Sabah lebih biasa dengan panggilan "Sumazau", yang ternyata merujuk kepada Sumazau Penampang. Berbanding dengan tarian tradisional etnik lain seperti tarian Limbai (Bajau, Kota Belud), tarian Adai-Adai (Melayu Brunei), tarian Kokos (Kokos, Tawau) dan banyak lagi tarian lain, boleh dikatakan Sumazau ialah tarian rakyat etnik Kadazan yang paling popular di Sabah. Sebabnya, setiap kali adanya majlis menyambut tetamu dan pelancong dari luar negara yang dikendalikan oleh Lembaga Kebudayaan Sabah, Sumazau akan dijadikan sebagai tarian pembuka tirai. Dengan kata lain, Sumazau telah dijadikan tarian ikon negeri Sabah. Tambahan pula, dalam majlis perkahwinan orang Kadazandusun, hari ucapan sekolah-sekolah dan di restoran-restoran yang dikunjungi pelancong di seluruh Sabah, tarian Sumazau pasti dipersembahkan. Persembahan tarian ini turut dijadikan persembahan utama dalam Tadau Kaamatan (Pesta Menuai) orang Kadazandusun, yang dirayakan di negeri Sabah pada setiap bulan Mei.

Bagi sesiapa sahaja dari luar Sabah yang buat kali pertama menyaksikan persembahan Sumazau, orang berkenaan pasti akan tertarik dengan pergerakan para penari yang menyerupai burung layang-layang yang unik, rentak paluan gong miliki etnik Kadazan sendiri, kostum dan aksesori para penari lelaki dan wanita yang anggun. Ciri-ciri istimewa Sumazau seperti ini akan membuat orang berkenaan ingin mengetahui lebih lanjut tentang tarian ini justeru ingin belajar menarikannya.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Dalam tinjauan awal yang pengkaji lakukan pada pertengahan tahun 2010 di beberapa buah kampung di Daerah Penampang, Daerah Papar dan Daerah kecil Membakut; didapati sehingga kini hampir semua etnik Kadazan, daripada generasi tua hingga generasi muda dapat menarikan tarian rakyat mereka yang diwarisi secara turun-temurun. Dengan kata lain, Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina ialah satu daripada tarian tradisi yang masih hidup dalam kalangan etnik Kadazan di ketiga-tiga daerah ini. Namun sewaktu pengkaji bertanyakan hal-hal lain seperti asal usul, sejarah, konteks dan kaitan Sumazau dengan upacara (*ritual*), kebanyakan etnik Kadazan di bawah umur empat puluh tahun malah ada yang lebih tua daripada umur ini tidak berapa arif tentangnya. Hal-hal spesifik berkenaan ketiga-tiga jenis tarian rakyat etnik Kadazan inilah yang menarik perhatian pengkaji untuk mendalaminya.

1.2 Permasalahan Kajian

Sebagaimana yang pengkaji nyatakan di bahagian latar belakang kajian, walaupun tarian Sumazau masih popular dan ditarikan oleh etnik Kadazan dan penduduk lain di Sabah dalam hari-hari kebesaran dan majlis-majlis keramian sehingga kini namun berdasarkan tinjauan awal pada pertengahan tahun 2010 yang pengkaji lakukan di beberapa buah kampung di Daerah Penampang, Daerah Papar dan Daerah kecil Membakut; rata-rata etnik Kadazan di bawah umur empat puluhan jika ditanya hal-hal berkenaan asal usul, sejarah, konteks dan kaitan Sumazau dengan upacara (*ritual*) didapati hampir semua antara mereka tidak berapa arif tentangnya. Jika keadaan sedemikian dibiarkan berterusan, dikuatiri pada masa yang akan datang banyak lagi maklumat penting berkenaan tarian etnik Kadazan ini akan hilang bersama pemergian warga tua pada suatu hari nanti. Dalam penelitian pengkaji seterusnya adalah rata-rata rakyat Malaysia sehingga kini hanya mengenali istilah "Sumazau", yang sebenarnya merujuk kepada "Sumazau Penampang" namun kebanyakan antara rakyat Malaysia tidak mengenali "Sazau Papar" dan "Sumazau Paina Membakut". Tambahan pula, kajian secara khusus atas ketiga-tiga jenis tarian rakyat etnik Kadazan dari segi asal usul, perkaitan Sumazau dengan upacara tradisional, konteks dan fungsi persembahan, kostum dan koreografi tidak banyak dilakukan oleh pengkaji lain sehingga kini. Hasil dan dapatan kajian yang bakal diperolehi dalam kajian ini nescaya akan membekalkan

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

banyak maklumat penting dan menonjolkan ciri-ciri unik yang terkandung dalam ketiga-tiga jenis tarian rakyat etnik Kadazan ini.

1.3 Objektif Kajian

Dalam sepanjang penyelidikan ini, pengkaji bertujuan mencapai objektif-objektif berikut:

1. Merakam maklumat lisan daripada informan berkenaan asal usul, konteks persembahan dan perkaitan upacara dengan tarian Sumazau.
2. Meneliti dan menggambarkan kostum dan aksesori penari lelaki dan penari perempuan dalam persembahan Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut.
3. Mendalami dan menggambarkan aspek koreografi, iaitu ragam gerak dan pola lantai Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut.

1.4 Metodologi dan Kaedah Kajian

Metodologi yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah metodologi kerja lapangan yang diguna pakai oleh pengkaji tradisi rakyat (*folklore*) seperti Dundes (1982), Mohd. Taib Osman (1982), Toelken (1996) dan banyak lagi pengkaji lain. Menurut ketiga-tiga orang pengkaji tradisi rakyat ini, metodologi kerja lapangan merangkumi tiga tahap utama, yakni i) kerja lapangan mengumpul data daripada informan yang merupakan pendukung aktif, yakni individu yang masih dapat menyampaikan cerita, menyanyikan lagu rakyat dan menuturkan bahan-bahan tradisi rakyat lain; ii) mentranskrip dan mendokumentasi bahan tradisi rakyat yang diperolehi daripada kerja lapangan, dan iii) menganalisis data berdasarkan perkara yang akan dikaji. Metodologi sedemikian didapati sesuai dengan penyelidikan ini kerana Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut ialah satu daripada tradisi rakyat yang diwarisi secara turun-temurun. Dalam konteks masa kini, Creswel (2003: 3) menggunakan istilah kajian tinjauan (*survey research*) sebagai metodologi bagi kajian seumpama ini. Menurut Creswel (2003: 3), metodologi kajian tinjauan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian secara langsung (*unobstrusive observation*) bagi memperoleh data kajian. Begitu juga dalam sepanjang penyelidikan ini, pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian secara langsung bagi memperoleh data-data penting.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Terdapat beberapa kaedah khusus yang telah pengkaji gunakan dalam sepanjang kerja lapangan yang berkait dengan pengumpulan data dalam penyelidikan ini. Kaedah-kaedah yang pengkaji gunakan ialah i) temu bual secara mendalam *(in-dept interviews)*, ii) Temu bual kumpulan berfokus (*focus group interviews*) dan iii) pemerhatian secara langsung (*unobstrusive observation*). Ketiga-tiga jenis kaedah pengumpulan data ini didapati berkesan dalam kajian bersifat kualitatif (Liamputtong dan Ezzy, 2005). Penjelasan lanjut secara teliti berkenaan ketiga-tiga jenis kaedah yang tersebut di atas akan dijelaskan dalam Bab 3 tesis ini kelak.

1.5 Kaedah Analisis Data

Dari segi kaedah analisis, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian secara langsung dalam bentuk deskriptif bagi menggambarkan kostum, aksesori, ragam gerak dan pola lantai Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut. Pengkaji juga menggunakan kaedah perbandingan bagi membandingkan kostum, aksesori, ragam gerak, dan pola lantai dengan ketiga-tiga tarian rakyat dalam kajian ini.

Bagi maklumat lain yang pengkaji perolehi daripada mulut informan, pengkaji akan membuat analisis dan interpretasi dengan memberikan penghujahan yang teliti (*detailed argument*) terhadap perkara atau bahan yang dikaji. Dalam penyelidikan ini, pengkaji bertujuan membina satu deskripsi yang teliti (*detailed description*) terhadap tarian rakyat kepunyaan etnik Kadazan di Daerah Penampang, Daerah Papar dan Daerah Kecil Membakut. Dengan kata lain, analisis yang dibuat ke atas data hasil kerja lapangan dalam penyelidikan ini boleh digambarkan sebagai satu proses perpindahan data dari lapangan (*field*) ke dalam bentuk laporan (*text*) dan kemudiannya kepada pembaca. Kaedah analisis sedemikian sesuai dengan kaedah pengumpulan data yang telah pengkaji gunakan, iaitu menemu bual informan keturunan etnik Kadazan yang arif dalam selok belok ketiga-tiga tarian rakyat etnik Kadazan dalam kajian ini.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.6 Kepentingan Kajian


Kajian ini penting dari segi mendokumentasi maklumat lisan daripada mulut informan keturunan etnik Kadazan berkenaan asal usul, konteks persembahan dan kaitan upacara tradisional dengan Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut. Kajian ini juga meneliti dan menonjolkan keunikan dan identiti kostum dan aksesori yang digunakan dalam persembahan ketiga-tiga jenis tarian ini. Seterusnya, kajian ini juga menggambarkan aspek koreografi tarian Sumazau dengan teliti agar penggiat seni tari dan jurulatih tarian dapat merujuknya pada bila-bila masa. Paparan aspek koreografi seperti ragam gerak dan pola lantai dalam kajian ini akan memudahkan jurulatih dan pelatih baharu yang masih belum ada panduan dan berminat mempelajari ketiga-tiga jenis tarian ini.

1.7 Lokasi Tempat Kajian

Kajian ini tertumpu di Daerah Penampang, Daerah Papar dan Daerah Kecil Membakut yang terletak dalam Daerah Beaufort (Peta Sabah 1.1). Hal ini disebabkan Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut ialah tarian tradisi bagi etnik Kadazan yang tinggal di ketiga-tiga tempat ini. Atas sebab ini, pengkaji pasti masih terdapat informan yang arif tentang asal usul, konteks persembahan dan perkaitan antara Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut dengan upacara-upacara tradisional etnik Kadazan yang tinggal di kampung-kampung dalam ketiga tiga daerah ini. Selain itu, etnik Kadazan di ketiga-tiga daerah ini masih giat menarikan Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut dalam majlis-majlis keramaian dan ketika Pesta Kaamatan (Pesta Menuai) diraikan pada setiap tahun. Keadaan ini memberikan peluang kepada pengkaji menyaksikan persembahan ketiga-tiga jenis tarian tersebut sambil membuat kajian.

Berikut disertakan Peta Sabah 1.1: Daerah Penampang (merah jambu), Daerah Papar (merah) dan Daerah Beaufort (ungu) di mana terletaknya pekan Membakut. Kota Kinabalu ialah ibu negeri Sabah.

Peta Sabah 1.1: Daerah Penampang (merah jambu), Daerah Papar (merah) dan Daerah kecil Membakut (ungu)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.7.1 Daerah Penampang

Di daerah Penampang, majoriti penduduknya terdiri daripada etnik Kadazan. Berdasarkan laporan Banci Penduduk Sabah 2010 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat sebanyak 49,500 orang Kadazandusun yang tinggal di daerah Penampang, 28, 600 orang di Daerah Papar dan 12,400 di Daerah Beaufort (Department of Statistic Malaysia, http://www.statistics.gov.my). Walaupun Banci Penduduk Sabah 2010 mencampuradukkan etnik Kadazandusun yang berbeza-beza sebagai satu rumpun yang sama, kita boleh anggarkan kira-kira lapan puluh peratus daripada orang Kadazandusun di ketiga-tiga daerah ini terdiri daripada etnik Kadazan.

Daripada sebegitu banyak kampung yang terdapat di ketiga-tiga daerah ini, pengkaji telah menjalankan kerja lapangan di Kampung Kuai Kandazon dan Limbanak di Daerah Penampang, Kampung Kawari, Papar dan Kampung Lumat,

Membakut. Berikut dibincangkan latar belakang penduduk, kegiatan ekonomi dan kepercayaan penduduk kampung bagi kampung-kampung yang telah pengkaji lawati.

Berdasarkan sumber yang pengkaji perolehi dari Pejabat Daerah Penampang, Kampung Kuai Kandazon mempunyai kira-kira sebanyak enam ratus orang penduduk. Dari segi kegiatan ekonomi, majoriti penduduk di Kampung Kuai Kandazon ialah petani yang menanam padi, jagung, buah-buahan dan sayur sayuran secara kecil-kecilan. Dengan kata lain, mereka ialah petani sara diri. Semasa pengkaji melawat ke Kampung Kuai kandazon, pengkaji dapati di kawasan kampung ini terdapatnya banyak sawah padi. Hal ini menunjukkan padi sawah ialah tanaman utama bagi penduduk di sekitar kampung ini.

Di Kampung Kuai kandazonlah pengkaji telah menemui Ama Dousia Moujing dan Inai Tubong Jiantan. Kedua dua orang informan ini merupakan keturunan keenam daripada keturunan *bobohizan* (pakar upacara) di Kampung Monsopiaad. Menurut OKK (Orang Kaya-kaya) Chris Mojungkim, iaitu Ketua Anak Negeri Penampang bahawa pada zaman dahulu hampir semua etnik Kadazan di daerah Penampang berpegang kepada kepercayaan animisme. Pada masa sekarang, kebanyakan antara mereka telah memeluk agama Kristian Katolik. Dalam tinjauan pengkaji di sekitar Daerah Penampang, sememangnya ditemui banyak gereja Katolik selain gereja protestan. Informan juga memberitahu pengkaji bahawa terdapat sejumlah kecil etnik Kadazan yang memeluk agama Islam pada masa kini.

Gambar 1.1: Ama Dousia Moujing dan Inai Tubong Jiantan, informan Kampung Kuai Kandazon, Penampang



Walaupun tidak kira sama ada etnik Kadazan di Kampung Kuai Kandazon yang masih mengamalkan kepercayaan animisme, Kristian ataupun Islam namun bukan semua amalan tradisional dan pantang larang yang diwarisi secara turun-temurun dibuang dengan begitu sahaja. Menurut informan dalam kajian ini, ada antara mereka yang masih percaya kepada semangat jahat, yang jika tidak diberikan sajian atau diganggu akan membawa padah kepada mereka. Terdapat sesetengah penduduk kampung yang masih bergantung kepada *bobohizan* ketika mereka jatuh sakit atau menghadapi masalah lain. Satu daripada semangat penting yang masih dipercayai kebanyakan penduduk kampung ialah *bambarayon*, iaitu semangat padi. Banyak upacara yang berkait dengan pemujaan *bambarayon* masih diamalkan sehingga kini. Penanam padi etnik Kadazan percaya bahawa jika *bambarayon* dijaga dan dilayan dengan baik, hasil padi mereka juga lumayan. Jika *bambarayon* tidak dilayan dengan baik maka ia akan merajuk dan tinggalkan sawah

padi mereka. Kejadian sebegini akan membawa kesan buruk kepada hasil tanaman mereka.

Dalam sesetengah upacara yang dikendalikan oleh *bobohizan*, informan dalam kajian ini memberitahu bahawa mereka masih menarikan Sumazau seperti dahulu. Begitu juga dalam majlis perkahwinan dan majlis keramaian lain, penduduk Kampung Kuai Kandazon masih menarikan Sumazau. Kemuncak persembahan tarian Sumazau ialah pada Pesta Kaamatan.

Di kampung yang kedua, iaitu kampung Limbanak, pengkaji telah menemu bual Juliana Madin. Beliau ialah seorang *bobohizan* (pakar upacara) di Kampung Limbanak. Menurut OKK Chris Mojungkim, iaitu Ketua Anak Negeri Penampang, pada zaman dahulu keadaan di kampung Limbanak tidak jauh berbeza dengan keadaan di kampung Kuai Kandazon dari segi semua keadaan alamnya kehidupan penduduk, kepercayaan dan cara menyambut perayaan seperti pesta kaamatan setiap tahun.

Selain informan tersebut di atas, pengkaji juga memperoleh maklumat daripada Danny Ng, iaitu sebagai bekas Pengetua Kampung Budaya Monsopiaad (2008). Danny Ng banyak membekalkan maklumat berkenaan kostum dan aksesori tradisional etnik Kadazan, maklumat terperinci berkenaan kostum dan aksesori akan pengkaji bincangkan dalam Bab 4 nanti selain itu informan ini juga membekalkan maklumat berkenaan kostum untuk penari Sumazau lelaki dan perempuan. Hal-hal berkenaan kostum juga akan pengkaji bincangkan dalam Bab 4.

1.7.2 Daerah Papar

Tempat kajian pengkaji di daerah Papar ialah kampung Kawari. Tempat ini telah disyorkan oleh Pegawai Daerah Papar kerana di sini terdapat sekumpulan penari dan pemuzik yang diketuai oleh Encik Malim bin Maiting. Kumpulan penari dan pemuzik Malim ini sangat terkenal di Daerah Papar dan sering dijemput untuk membuat persembahan tarian Sazau Papar oleh pihak tertentu. Persatuan Kebudayaan Kadazandusun Sabah sebagai contoh akan menjemput mereka

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH